



Boustead

POLISI ANTI-RASUAH DAN KORUPSI

Boustead Holdings Berhad dan anak-anak syarikat kami (seterusnya dirujuk sebagai Kumpulan Boustead) berusaha untuk mencegah rasuah dan korupsi serta menegakkan taraf tertinggi integriti, tanggungjawab dan profesionalisme dalam urusan perniagaan kami. Ini selaras dengan nilai-nilai teras Kumpulan Boustead iaitu RESPECT, INTEGRITY, TEAMWORK dan EXCELLENCE.

Kumpulan Boustead komited dalam:

- Mematuhi peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan undang-undang yang berkaitan dengan menerapkan integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam semua aspek perniagaan;
- Melarang para pekerja dari meminta, menerima dan menawarkan rasuah atau sebarang bentuk salah laku penyelewengan;
- Memastikan semua pekerja dan rakan niaga mematuhi Polisi Anti-Rasuah dan Korupsi serta prosedur-prosedur berkaitan seperti yang digariskan dalam Sistem Pengurusan Anti-Rasuah, dan berusaha untuk menambah baik sistem secara berterusan; dan
- Menggalakkan budaya integriti dengan menyediakan saluran bagi laporan-laporan perlakuan rasuah dan salah laku, selaras dengan Polisi Pemberi Maklumat Kumpulan Boustead.

Jabatan Integriti dan Tadbir Urus bertanggungjawab untuk memantau kepatuhan kepada Sistem Pengurusan Anti Rasuah dan memberi laporan kepada Lembaga Pengarah.

Setiap pekerja dan rakan niaga mempunyai kewajipan untuk membaca, memahami dan mematuhi Polisi ini. Ketidakpatuhan dan pelanggaran Polisi ini oleh pekerja atau rakan niaga boleh mengakibatkan tindakan diambil oleh Kumpulan Boustead sejajar dengan polisi, prosedur, arahan dan garis panduannya dan/atau dikenakan tindakan undang-undang.

DATO' SERI MOHAMED KHALED NORDIN
Pengerusi

Boustead Holdings Berhad

1 September 2020